# Berita Harian - Dua Sektor Asas Daya Tahan Ekonomi Negara : Guan Eng

Isnin, Nov 19 2018

# Dua sektor asas daya tahan ekonomi negara: Guan Eng

BH 17/11

## Pembuatan, perkhidmatan sumbang 78 peratus daripada KDNK

**Oleh Mohd Husni Mohd Noor**
cnews@nstp.com.my

**Putrajaya**

Daya tahan ekonomi negara banyak disumbangkan oleh sektor perkhidmatan dan pembua-

ekonomi berterusan itu bukti bahawa ekonomi Malaysia tidak bergantung pada harga minyak dunia seperti dahulu.

"Kerajaan hanya menerima manfaat yang terhad daripada kenaikan harga minyak dunia setakat ini. Hanya sembilan peratus daripada KNDK disumbangkan oleh sektor perlombongan, termasuk daripada industri minyak dan gas.

### Pelbagai sumber ekonomi

"Daya tahan ini juga berasaskan pasaran kewangan tempatan yang matang serta kestabilan politik yang disediakan oleh kerajaan baharu yang telus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kepelbagaian



Daya tahan ekonomi berterusan itu bukti bahawa ekonomi Malaysia tidak bergantung pada

mati pulangan sepenuhnya daripada kenaikan harga minyak dunia sejak enam bulan lalu.

Beliau berkata, eksport gas Malaysia terjejas teruk akibat gangguan pengeluaran gas di lapangan gas Kebabangan di pesisir pantai Sabah sejak suku kedua tahun ini.

### Kerja baik pulih

"Kerja baik pulih serta pemeriksaan rapi sedang giat dijalankan dan pengeluaran daripada lapangan gas ini hanya dijangka pulih sepenuhnya selewat-lewatnya pada pertengahan tahun depan.

"Gangguan bekalan ini menjejaskan pertumbuhan KDNK dan pendapatan kerajaan daripada cukai pendapatan petr-

tan yang membentuk kira-kira 78 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 55 peratus, manakala sumbangan sektor pembuatan pula adalah 25 peratus.

Beliau berkata, daya tahan

sumber ekonomi Malaysia juga tidak boleh dibandingkan dengan Arab Saudi kerana perbezaan ekonomi yang ketara antara kedua-duanya.

Katanya, sektor perlombongan membentuk 25 peratus daripada KDNK negara itu.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, Malaysia tidak menik-

harga minyak dunia seperti dahulu"

***Lim Guan Eng,***
*Menteri Kewangan*

oleum," katanya.

Selain itu, Guan Eng berkata, Indeks Pengeluaran Perindustrian juga menunjukkan pengeluaran perlombongan jatuh 5.3 peratus tahun ke tahun untuk tempoh Mei hingga September, berbanding dengan indeks keseluruhannya yang naik 2.2 peratus dalam tempoh sama.